

AIR NAIK PARAS BAHAYA

■ **TNB terpaksa melepaskan takungan empangan secara berperingkat selepas hujan lebat**

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa melepaskan air secara berperingkat apabila paras air di Empangan Sultan Abu Bakar, Cameron Highlands meningkat dengan mendadak dan mencecah tahap kritikal dalam tempoh singkat selepas hujan lebat, kelmarin.

TNB dalam satu kenyataan di sini berkata, hujan lebat luar biasa sejak jam 6 petang Rabu, menyebabkan banjir kilat di Ringlet yang membawa bebanan sampah ke Tasik Ringlet.

“Latihan ERP yang dijalankan bersama Majlis Keselamatan Negara dengan yang terakhir pada 25 September menerima sambutan baik daripada penduduk Lembah Bertam”

Ir Mohd Zaki Jalaluddin

Katanya, TNB terpaksa mengaktifkan Plan Tindakan Kecemasan (ERP) apabila air

meningkat dengan pantas, dengan kadar kenaikan paras tasik Ringlet mencecah tujuh kaki sejam.

“Kenaikan ini jauh lebih tinggi berbanding paras tiga kaki sejam ketika kejadian banjir lumpur tahun lepas,” kata kenyataan itu.

Menurutnya, siren TNB di Lembah Bertam dibunyikan pada pukul 8.15 malam untuk pengungsian apabila paras air berada pada paras 3,507.4 kaki, dan siren di Empangan Sultan Abu Bakar pula dibunyikan sebagai tanda amaran bahaya pada 8.40 malam.

“TNB sudah memaklumkan kepada pihak keselamatan, pihak berkuasa tempatan dan ketua kampung

Lembah Bertam sebelum air dilepaskan pada aras 3,510 kaki. Pelepasan air ini dibuat setelah mendapat maklum balas daripada Balai Polis Ringlet bahawa pengungsian sudah selesai dan pelepasan air boleh dilaksanakan,” katanya.

Pengurus Besar Stesen-stesen Janaelektrik TNB Cameron Highlands Ir Mohd Zaki Jalaluddin berkata, pihaknya bersyukur kerana pengungsian berjalan lancar hasil daripada latihan ERP bersepadu yang dilaksanakan dalam tempoh setahun ini.

“Latihan ERP yang dijalankan bersama Majlis Keselamatan Negara dengan yang terakhir pada 25 September menerima sambutan baik daripada penduduk Lembah Bertam,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, berikutan ramalan hujan akan turun beberapa hari lagi, air empangan akan terus dilepaskan sehingga ia turun ke paras selamat.

Beliau menasihatkan penduduk yang terbabit sentiasa berwaspada dan mengutamakan keselamatan dalam keadaan cuaca sekarang.

Selain itu, katanya, TNB

juga sudah mengaktifkan bilik gerakan di peringkat Stesen-stesen Janaelektrik TNB Cameron Highlands serta Bahagian Penjanaan di Ibu Pejabat TNB.

Dalam kejadian 6.30 petang semalam, tiga orang termasuk seorang remaja lelaki berusia 13 tahun maut, manakala lima yang lain cedera akibat banjir lumpur di Ringlet.

Kejadian membabitkan 203 mangsa daripada 47 keluarga di Kampung Baru dan Lembah Bertam serta 20 buah rumah terjejas dan 20 kenderaan rosak. — BERNAMA

KEADAAN jalan raya dari Ringlet menghala ke Tanah Rata selepas tanah runtuh akibat hujan lebat yang berterusan.



PENDUDUK melihat Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Bertam Valley dinaiki air selepas pintu empangan dibuka.

